

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : KOSMO (Negara)

TARIKH: 1 JANUARI 2017

M/S: 17

Penduduk bimbang ancaman anjing liar

GUA MUSANG - Penduduk dan orang ramai di sekitar bandar Gua Musang di sini mengesa pihak berkuasa tempatan segera mengatasi masalah ancaman anjing liar yang berkeliaran di kawasan bandar dan perumahan sejak akhir-akhir ini.

Kebanyakan mereka bimbang dengan keselamatan anak mereka yang berulang-alik ke sekolah kerana kerap dikejar haiwan tersebut.

Penduduk mendakwa, terdapat puluhan anjing berkeliaran sekitar Bandar Lama, Kampung Baru, Jalan Pulai dan Simpang Kampung Pulai hingga mengancam keselamatan.

Seorang peniaga, Mohd. Mansor Othman, 41, berkata, biarpun belum ada kes serangan anjing liar sehingga

menyebabkan kecederaan, namun penduduk mahu tindakan diambil sebelum insiden tidak diingini berlaku.

"Baru-baru ini, saya terserempak dengan sekumpulan kira-kira sepuluh ekor anjing liar dilihat berkeliaran di sekitar kawasan bandar dan menimbulkan rasa kurang selamat. Anjing itu juga dilihat bergaduh sesama sendiri dan ada yang tidur di bawah kenderaan," katanya di sini kelmarin.

Seorang kakitangan swasta, Siti Rubiah Hashim, 35, berkata, beberapa penduduk berasa bimbang jika anjing tersebut bertindak ganas dan menggigit orang awam terutamanya pelajar yang berjalan kaki ke sekolah.

"Sebelum ini terdapat juga budak-budak yang dikejar anjing berkenaan," katanya.